



PERSEKUTUAN PENGAKAP MALAYSIA

SKIM LATIHAN PENGAKAP MUDA UDARA





PERSEKUTUAN PENGAKAP MALAYSIA



SKIM LATIHAN PENGAKAP MUDA UDARA

Diterbitkan oleh:

Pasukan Latihan Negara
Persekutuan Pengakap Malaysia
RUMAH B-P
Jalan Hang Jebat
50150 Kuala Lumpur

(Hak Penerbit Terpelihara)
Oktober 2010



PERSEKUTUAN PENGAKAP MALAYSIA

SKIM LATIHAN PENGAKAP MUDA UDARA

Buku Skim Latihan Pengakap Udara ini diterbitkan sebagai garis panduan bagi Pemimpin dan Pengakap yang memerlukan bahan rujukan. Buku ini telah disusun menurut piawaian dan nasihat Jabatan Penerbangan Awam, DCA Malaysia.

Peringatan:

Buku ini ialah panduan bagi mendapatkan lencana-lencana Pengakap Udara, bukannya bagi mendapatkan lesen penerbangan.

CETAKAN PERTAMA 2010
Muka Taip Teks :

Eras Bold TC 14 pt
Arial 8.5 pt

Diterbitkan oleh :

Pasukan Latihan Negara
Persekutuan Pengakap Malaysia
RUMAH B-P
Jalan Hang Jebat
50150 Kuala Lumpur

HAK CIPTA TERPELIHARA

Sebarang bahagian risalah/modul ini tidak boleh diubah suai atau dicetak semula dalam apa jua bentuk sama ada secara elektronik, fotokopi atau cara lain tanpa terlebih dahulu mendapat keizinan bertulis daripada penerbit.

REKOD PERIBADI

Gambar

Nama Pengakap :
(HURUF BESAR)

Tarikh Lahir : No. K.P. :

No. Ahli : No. Kumpulan :

Daerah : Negeri :

Alamat Kumpulan :

..... Telefon :

Pangkat :

Bil.	Lencana / Tanda Cemerlang	No. Sijil	Tarikh
1.	Lencana Keahlian		
2.	Lencana Usaha		
3.	Lencana Ahli Udara Kelas II		
4.	Lencana Maju		
5.	Lencana Ahli Udara Kelas I		
6.	Lencana Jaya		
7.	Lencana Ahli Udara Utama		
8.	Tanda Cemerlang Rambu Pengakap Muda (Anugerah Ketua Pesuruhjaya Negara)		

BUKU INI AKAN MENJADI REKOD PERIBADI BAGI SEORANG PENGAKAP MUDA UDARA DAN ADALAH DIWAJIBKAN MENUNJUKKAN BUKU INI SEMASA MEMBELI LENCAHA-LENCAHA SERTA UNTUK DIPERIKSA OLEH PIHAK PENTARAF PENGAKAP RAJA.

PENGAKAP MUDA UDARA adalah salah satu aliran Pengakap, dan bukannya organisasi berasingan. Ia diasaskan dari dasar kaedah dan matlamat kepengakapan yang sama. Pengakap Muda Udara tetap mengikuti program teras sambil menambah unsur-unsur aeronautika ke dalam program dan aktiviti-aktivitinya. Unit-unit yang terlibat dapat melatih diri dengan kemahiran-kemahiran aeronautika dan *airmanship*. Namun ia bukanlah program latihan bagi kerjaya tentera udara, tetapi tetap berguna bagi anak-anak muda.

Pengakap Muda Udara pada hakikatnya adalah Pengakap yang diberi penerapan di dalam aspek aeronautikal dan industri penerbangan. Mereka didedahkan dengan ilmu-ilmu aeronautika manakala perihal keselamatan penerbangan (*flight safety*) dan undang-undang (*rules and regulations*) udara menjadi tema utama program latihan bagi Pengakap Udara. Program latihan tidak bermaksud melatih seseorang itu menjadi juruterbang (semata-mata), tetapi sebagai ahli udara yang berkefahaman mendalam dan menyeluruh mengenai berbagai-bagai komponen industri penerbangan.

Program latihan bagi Pengakap Muda Udara juga menawarkan kelainan kepada program sedia ada. Kepada anak-anak muda yang mempunyai minat, inilah peluang untuk mereka ceburi. Berbagai-bagai lencana boleh dianugerahi asalkan seseorang itu berusaha gigih mendapatkannya. Ditambah dengan aktiviti-aktiviti menyeronokkan dari masa ke masa, pastinya Pengakap Muda Udara satu program yang tidak mengecewakan.

Setelah Pengakap Muda Udara melalui program latihan asas, ia dilatih pula dengan aktiviti pengkayaan pengetahuan berdasarkan perkembangan kepitarnya melalui program berbagai aktiviti yang disediakan ini, adalah diharapkan pada akhir latihan ini ia akan dapat memperkembangkan mental dan bakat, mempunyai semangat berdikari dan bekerjasama.

Jawatankuasa Teknikal Pasukan Latihan Negara merakamkan ribuan terima kasih kepada Ketua Setiausaha Eksekutif Persekutuan Pengakap Malaysia, Pesuruhjaya Program, Pesuruhjaya Ibu Pejabat Bahagian Pengakap Udara, Pesuruhjaya Ibu Pejabat Tugas Khas dan Jurulatih jemputan kerana atas dorongan dan toleransi mereka semasa berbincang dan menggubal Skim Latihan ini hingga siap tersusun buku ini.

**Jawatankuasa Teknikal Pasukan Latihan Negara
Persekutuan Pengakap Malaysia**

Tajuk	Muka Surat
Rekod Peribadi	1
Sidang Pengarang	2
Pendahuluan	4
Skim Latihan Pengakap Muda Udara	5
Program Latihan Pengakap Muda Udara	6
1. Lencana Keahlian	8
2. Lencana Kemajuan - Usaha	9
3. Lencana Ahli Udara Kelas II	11
4. Lencana Kepandaian - Lencana Kegemaran	12
4.1. Pengalaman Terbang.	13
4.2. Penerbang Simulator	13
4.3. Penerbang RC	14
5. Lencana Maju	15
6. Lencana Ahli Udara Kelas I	17
7. Lencana Kepandaian - Lencana Pengetahuan	18
7.1. Pembina Model Pesawat.	19
7.2. Pemerhati Udara.	19
7.3. Perancang Penerbangan.	20
8. Lencana Kepandaian - Lencana Perkhidmatan	21
8.1. Krew Darat.	21
8.2. Operator Radio.	22
8.3. Pemandu Arah Lapangan Terbang.	22
9. Lencana Jaya	23
10. Lencana Ahli Udara Utama.	26
11. Tanda Cemerlang Rambu Pengakap Muda Anugerah Ketua Pesuruhjaya Negara.	27
12. Cara Memasang Tanda Cemerlang Rambu Pengakap Muda	28
13. Cara Mendapatkan Lencana- Lencana Pengakap Muda Udara	29
14. Rekod Ujian Lencana - Lencana	30
14.1. Rekod Kemajuan Lencana Keahlian	30
14.2. Rekod Kemajuan Lencana Usaha	30
14.3. Rekod Kemajuan Lencana Ahli Udara Kelas II	31
14.4. Rekod Kemajuan Lencana Kepandaian - Kumpulan Kegemaran	32
14.5. Rekod Kemajuan Lencana Maju	33
14.6. Rekod Kemajuan Lencana Ahli Udara Kelas I	34
14.7. Rekod Kemajuan Lencana Kepandaian - Kumpulan Pengetahuan	34
14.8. Rekod Kemajuan Lencana Kepandaian - Kumpulan Perkhidmatan	35
14.9. Rekod Kemajuan Lencana Jaya	36
14.10. Rekod Kemajuan Lencana Ahli Udara Utama	38

PENDAHULUAN

PENGAKAP MUDA UDARA adalah satu alternatif kepada program biasa dan program laut. selain daripada Pengakap Kanak-Kanak, Pengakap Remaja, Pengakap Laut, dan Pengakap Kelana. Bahagian ini ialah bagi budak-budak yang berumur dari 12 hingga 15 tahun.

Seorang budak itu boleh menjadi Pengakap Muda Udara terus daripada Pengakap Kanak-kanak ATAU sebagai ahli baru apabila telah berumur 12 tahun dan mendapat Lencana Keahlian setelah diuji dalam beberapa perkara yang tertentu.

Bahagian ini ialah peringkat yang kedua dalam sistem latihan yang progresif dalam pergerakan Pengakap bagi menggalakkan dan memperbaiki lagi kesuburan rohani, jasmani, akal dan pergaulan di kalangan ahli-ahlinya.

Bahagian ini dibahagikan kepada beberapa Patrol tiap satu seramai 6 hingga 8 orang ahli diketuai seorang Ketua Patrol di bawah pimpinan seorang dewasa lelaki yang di panggil Pemimpin Pengakap. Patrol tersebut terdiri daripada Patrol Tebuan, Penyengat, Lebah, Papatung, Rama-Rama dan Belalang.

Keseluruhan program diacu dengan mengutamakan kepentingan ilmu aeronautika dan memupuk budaya kerja yang mementingkan keselamatan. Ini menjadi matlamat utama Pengakap Udara. Seterusnya dengan aplikasi pengetahuan dan profesionalisma di dalam kehidupan sehari-hari, seorang Pengakap akan menjadi ahli masyarakat yang efektif dan dipandang tinggi.

Sebagai satu program alternatif, Pengakap Udara membuka ruang kepada anak-anak muda menggunakan daya kreativiti mereka. Program latihan yang komprehensif akan dan penglibatan yang maksima dari ahli pengakap melahirkan remaja yang seimbang jasmani dan rohani. Untuk teguh, harus kukuh. Dengan asas-asas yang terbina dari pengetahuan dan latihan, ahli Pengakap akan lebih berkeyakinan akan arah tujuan dan matlamat hidupnya.

SKIM LATIHAN PENGAKAP MUDA UDARA

Latihan awal bagi seseorang Pengakap Udara bermula dari peringkat umur Pengakap Muda. Ini kerana tidak terdapat skim latihan udara bagi Pengakap Kanak-kanak. Program latihan terdiri daripada sukatan pelajaran am dan sukatan pelajaran khusus. Sukatan pelajaran am adalah seperti yang terkandung di dalam Buku Program Latihan Pengakap Muda bagi aliran biasa hendaklah dirujuk serta diamalkan bagi melatih Pengakap Muda Udara. Sukatan pelajaran khusus yang terdapat di dalam buku ini membentuk sekitar 20 peratus latihan tambahan Pengakap Udara. Buku ini hanya mengandungi sukatan pelajaran khusus bagi meringkaskan kandungannya.

Oleh kerana sukatan pelajaran am Pengakap Muda Udara sama seperti Pengakap Muda, maka beliau wajib melengkapkan latihan Lencana Kemajuan iaitu Usaha, Maju dan Jaya serta mematuhi syarat-syarat yang berkaitan bagi mendapatkannya. Sebagai tambahan beliau juga wajib mengambil Lencana-lencana Kemajuan Pengakap Udara, iaitu Ahli Udara Kelas II, Ahli Udara Kelas I dan Ahli Udara Utama. Setelah berjaya melengkapkan lencana-lencana ini beliau boleh mengikuti program Pengakap Remaja Udara pula.

Di samping lencana-lencana kemajuan terdapat Lencana-lencana Kepandaian yang boleh diambil bagi menambah pengetahuan ahli Pengakap Muda. Lencana Kepandaian terbahagi kepada tiga kumpulan iaitu Kumpulan Kegemaran, Kumpulan Pengetahuan dan Kumpulan Perkhidmatan. Lencana Ahli Berkhemah dan Pertolongan Cemas seperti dalam sukatan pelajaran am adalah wajib diambil. Skema Latihan Pengakap Muda Udara mempunyai tambahan 3 lencana bagi setiap kumpulan Lencana Kepandaian.

Seseorang Pengakap Muda Udara perlu mendapatkan LAPAN Lencana Kepandaian kesemuanya iaitu DUA dari Kumpulan Kegemaran, TIGA dari Kumpulan Pengetahuan dan TIGA dari Kumpulan Perkhidmatan. Bagi Pengakap Udara, satu lencana dari setiap kumpulan Lencana Kepandaian mestilah dari sukatan pelajaran khusus yang terkandung di dalam Skim Latihan Pengakap Muda Udara. Lencana-lencana ini adalah pilihan namun, seseorang Pengakap Muda itu sangat digalakkan mengambil ujian lencana-lencana ini. Setelah melengkapkan Lencana-lencana Kemajuan dan LAPAN Lencana Kepandaian serta mematuhi syarat-syaratnya, barulah beliau layak memakai Rambu Pengakap Muda (Anugerah Ketua Pesuruhjaya Negara).

PROGRAM LATIHAN BAGI PENGAKAP MUDA UDARA

Program Latihan Pengakap Muda Udara bermula dari:

A. Lencana Keahlian

Diikuti dengan Lencana Kemajuan Pengakap Muda:

B. Usaha

C. Maju

D. Jaya

Serta Lencana Kemajuan Pengakap Muda Udara iaitu:

E. Ahli Udara Kelas II

F. Ahli Udara Kelas I

G. Ahli Udara Utama

Nota: Bagi program latihan (A.) hingga (D.) sekiranya terdapat pembaharuan, ianya hendaklah diguna pakai. Sila rujuk **Buku Program Latihan Pengakap Muda**.

Program Latihan Pengakap Muda Udara juga mengandungi **Lencana-lencana Kepandaian** iaitu:

A. Kumpulan Kegemaran

1. Ahli Koleksi Hobi
2. Ahli Muzik
3. Ahli Pertahanan Diri
4. Ahli Renang
5. Ahli Sukan
6. Jurumasak di Khemah
7. Peladang Muda
8. Pelukis
9. Pengail
10. Penunggang Basikal
11. Pustakawan
12. Pengalaman Terbang
13. Penerbang Simulator
14. Penerbang RC

Nota: Bagi program latihan lencana (1) hingga (11) sila rujuk **Buku Program Latihan Pengakap Muda**.

B. Kumpulan Pengetahuan

1. Ahli Elektronik
2. Ahli Ilmu Perintis
3. Ahli Komputer
4. Ahli Mekanik
5. Ahli Penukang
6. Ahli Perahu Dayung
7. Ahli Perhubungan
8. Ahli Perhutanan
9. Pelihat
10. Pengembara
11. Tukang Masak
12. Pembina Model Pesawat
13. Pemerhati Udara
14. Perancang Penerbangan

Nota: Bagi program latihan lencana (1) hingga (11) sila rujuk **Buku Program Latihan Pengakap Muda**.

C. Kumpulan Perkhidmatan

1. Ahli Anti Dadah
2. Ahli Komuniti
3. Jurubahasa
4. Kuartermaster
5. Pemadam Api
6. Pemandu
7. Pemelihara
8. Pengawal Perkhemahan
9. Penyelamat Nyawa
10. Setiausaha
11. Krew Darat
12. Operator Radio
13. Pemandu Arah Lapangan Terbang

Nota: Bagi program latihan lencana (1) hingga (10) sila rujuk **Buku Program Latihan Pengakap Muda**.

1. Lencana Keahlian

Lencana ini dianugerahkan kepada seseorang budak sebagai mengakui bahawa ia adalah seorang Ahli dalam Persaudaraan Pengakap Malaysia dan Sedunia yang luas itu.

Sebelum dilantik menjadi Pengakap Muda Udara seseorang perlu mempunyai ilmu asas serta pengalaman asas tentang berpengakap.


Untuk lulus Lencana Keahlian seseorang perlu lulus ujian-ujian berikut :-

1. Peraturan pakaian seragam Pengakap.
2. Prinsip Rukun Negara.
3. Lambang Pengakap Malaysia & Lambang Pengakap Sedunia.
4. Persetian Pengakap & Undang-Undang Pengakap.
5. Hormat Pengakap & Cogankata Pengakap.
6. Sejarah Pengakap Malaysia & Sejarah Pengasas Pengakap, Lord Baden Powell.
7. Simpulan & ikatan :-
 - Buku Sila (*Reef Knot*)
 - Bunga Geti (*Sheet Bend*)
 - Simpul Manuk (*Clove Hitch*)
 - Tindih Kasih (*Bowline*)
 - Lilit Dua Simpul (*Round Turn & Two Half Hitches*)
 - Lilit Pemati Biasa (*Common Whipping*)

Bagi mereka yang telah menjadi Ahli Pengakap Kanak-Kanak, mereka tidak perlu menjalani ujian di atas, tetapi hanya perlu melalui satu Istiadat Meningkatkan Naik Pengakap Kanak-Kanak ke Pengakap Muda untuk dilantik sebagai Ahli Pengakap Muda Udara.

Lencana Keahlian Pengakap yang berupa Lambang Pengakap diatas latar biru tua ini dipakai pada saku kiri kemeja.

Cara Pemakaian Lencana Keahlian.



2. Lencana Kemajuan - Lencana Usaha

Lencana ini dianugerahkan kepada Ahli Pengakap Muda Udara, sebagai mengakui minat dan kegemaran luar seperti berkhemah, memasak, mengembara, kecergasan jasmani, kemahiran Pengakap dan perkhidmatan.

Sebelum layak mendapat lencana ini, seseorang Pengakap mestilah mendapatkan **Lencana Keahlian** terdahulu atau melalui **Istiadat Meningkatkan Naik**.

Untuk lulus Lencana Usaha seseorang Pengakap Muda Udara perlu lulus ujian-ujian berikut :-

A. Cita-Cita Pengakap

1. Bendera Malaysia dan Bendera Negeri masing-masing.
2. Lagu Negaraku dan lagu negeri masing-masing.
3. Menaikkan bendera.
4. Orang-orang kenamaan - Nama penuh DYMM Sultan/ Raja, TYT Yang Dipertua Negeri, Menteri Besar dan Ketua Menteri.
5. Persetian Pengakap & Undang-Undang Pengakap.

B. Kecergasan dan Kesegaran Jasmani

1. Asas Perbarisan.
2. Kawat Tongkat.
3. Isyarat-Isyarat Tangan Pengakap.
4. Halangan Komando.
5. Melipat dan Mengibarkan Bendera.

C. Kemahiran Berpengakap

1. Menjaga dan menyimpan pisau serta parang
2. Simpulan & ikatan :-
 - Simpul Himpit (*Fisherman's Knot*).
 - Simpul Pulih (*Sheep Shank Knot*).
 - Bunga Geti Ganda (*Double Sheet Bend*).
 - Lilit Balak (*Timber Hitch*).
 - Lilit Taut - line (*Taut line*).
 - Ikat Seraya (*Square Lashing*).
 - Ikat Serong (*Diagonal Lashing*).
3. Undang-undang Lalulintas Jalanraya .
4. Memilih tapak perkhemahan.
5. Keperluan peribadi untuk berkhemah.
6. Alatan pertolongan cemas peribadi.



7. Menghidupkan api.
8. Berkhemah sekurang - kurangnya 1 malam.
9. Arah mata angin dan mengenali peta topo.
10. Isyarat Sulit Pengakap.
11. Mengembara sejauh 8 km. berjalan kaki dalam patrolnya. Membuat laporan bertulis dalam Buku Log.


D. Kecenderungan dan Minat

1. Kraftangan.
2. Plaster cast.
3. Rekod 12 orang sahabat pena.

E. Perkhidmatan

1. Balutan anduh.
 - a) Melipat kain Anduh.
 - b) Anduh tangan dan kaki.
2. Tindakan kecemasan.
3. Memandu orang.

Cara Pemakaian Lencana Kemajuan Pengakap Muda - Lencana Usaha.



3. Lencana Ahli Udara Kelas II

Lencana ini dianugerahkan kepada Ahli Pengakap Muda Udara, sebagai mengakui pengetahuan dalam perkara berhubung dengan pengenalan pesawat, teori penerbangan, perhubungan radio telefoni dan pengendalian trafik udara.



Sebelum layak mendapat lencana ini, seseorang Pengakap Muda Udara mestilah mendapatkan **Lencana Keahlian** terlebih dahulu atau melalui **Istiadat Meningkatkan Naik** dan **Lencana Usaha**.

Untuk lulus Lencana Ahli Udara Kelas II seseorang Pengakap Muda Udara perlu lulus ujian-ujian berikut : -

A. Pengenalan Pesawat.

1. Mengenali dan menerangkan secara ringkas jenis-jenis pesawat serta perbezaannya, seperti:
 - a) Sayap kaku
 - b) helikopter; dan
 - c) mesin udara yang lain.
2. Mengenali komponen-komponen utama pesawat serta melukis dan melabelkannya.
3. Menerangkan fungsi-fungsi komponen-komponen pesawat.

B. Teori Penerbangan.


1. Memahami dan menerangkan prinsip asas aerodinamik dan daya-daya yang terlibat.
2. Mengenali dan menunjukkan bahagian-bahagian permukaan kawalan dan memahami serta menerangkan paksi-paksi pergerakan pesawat iaitu dongakan (*pitch*), olengan (*roll*) dan rewang (*yaw*).
3. Menerangkan bentuk-bentuk berbeza sayap-sayap kepak kaku.
4. Mengetahui serta menerangkan jenis-jenis asas enjin-enjin pesawat udara.

C. Radio Telefoni.

1. Memberikan sebutan-sebutan fonetik abjad dan nombor bagi komunikasi radio.
2. Memahami dan menerangkan maksud istilah-istilah asas penerbangan seperti *altitude*, *climb*, *descent*, *takeoff*, *landing*, *go-around* dan sebagainya.
3. Menerangkan unit-unit pengukuran yang digunakan dalam penerbangan.

D. Pengetahuan Trafik Udara.

1. Menerangkan bahagian-bahagian kawasan bagi operasi sesebuah lapangan terbang.
2. Menunjukkan bahagian-bahagian di dalam litar atau circuit lalu-lintas lapangan terbang.
3. Mengetahui serta menerangkan fungsi-fungsi komponen-komponen kawalan trafik udara seperti *delivery*, *ramp*, *ground*, *tower*, *approach* dan sebagainya.



4. Lencana Kepandaian - Kategori Kegemaran

Setelah memperolehi Lencana Kemajuan Pengakap Muda - **Lencana Usaha dan Lencana Ahli Udara Kelas II**, Pengakap Muda Udara itu dikehendaki meneruskan latihan dan ujian bagi mendapatkan **DUA (2) Lencana Kepandaian dalam Kumpulan Kegemaran (1 daripada Bahagian A dan 1 daripada Bahagian B)** seperti dibawah mengikut minat dan kesukaannya dalam aktiviti-aktiviti lencana tersebut:

Kumpulan Kegemaran - Bahagian A (Elemen Udara).

1. Pengalaman Terbang
2. Penerbang Simulator
3. Penerbang RC

Kumpulan Kegemaran - Bahagian B (Am).

1. Ahli Koleksi Hobi.
2. Ahli Muzik.
3. Ahli Pertahanan Diri.
4. Ahli Renang.
5. Ahli Sukan.
6. Jurumasak di Khemah.
7. Peladang Muda.
8. Pelukis.
9. Pengail.
10. Penunggang Basikal.
11. Pustakawan.

Nota: Bagi program latihan lencana (1) hingga (11) sila rujuk **Buku Program Latihan Pengakap Muda**.

4.1. Pengalaman Terbang (Joyride)

Lencana ini dianugerahkan kepada Ahli Pengakap Muda Udara sebagai mengakui minat dan pengetahuan dalam mengenali asas penerbangan dengan menyertainya bersama dengan mengetahui jenis-jenis pesawat, pelan perjalanan, keadaan cuaca dan prosedur keselamatan.



Untuk mendapatkan lencana ini, Pengakap mesti **LULUS** semua ujian dalam Bahagian A atau B.

BAHAGIAN A.

1. Menyertai satu penerbangan tidak kurang dari 30 minit waktu di udara bagi pesawat
2. yang kurang dari 5700 kilogram berat berlepas.
3. Mengambil bahagian yang aktif sebelum penerbangan bermula, ketika penerbangan sedang berlangsung dan setelah penerbangan berakhir.
Menyediakan satu laporan lengkap tentang perjalanan di atas dengan menyertakan
4. butiran jenis penerbangan, jenis pesawat, altitud, kelajuan, pelan perjalanan, keadaan cuaca dan maklumat-maklumat penting yang lain.
Menerangkan prosedur-prosedur keselamatan yang diambil ketika penerbangan tersebut.

BAHAGIAN B.

1. Menyertai sekurang-kurangnya 5 penerbangan komersil sama ada dalam atau luar negara.
2. Menyimpan rekod perjalanan yang lengkap dengan menyertakan butiran seperti jenis pesawat, nama dan tandatangan juruterbang, altitud, kelajuan purata, pelan perjalanan, keadaan cuaca serta maklumat-maklumat lain.
3. Mengikuti dengan teliti taklimat keselamatan di dalam pesawat dan merekodkan butiran-butirannya.

4.2. Penerbang Simulator

Lencana ini dianugerahkan kepada Ahli Pengakap Muda Udara sebagai mengakui minat dan pengetahuan dalam mengenali penerbangan secara simulator dengan mengendalikannya serta memahami instrument pesawat dan kaedah-kaedah penerbangan.



Keperluan-keperluan lencana ini boleh dipenuhi dengan program simulator yang sesuai, seperti *Flight Simulator 2000, 2002, 2004* atau *Combat Flight Simulator* atau *Flight School Simulator*.

1. Membincangkan pelbagai instrumen di atas Instrument Panel sesebuah pesawat.
2. Melakukan prosedur menghidupkan enjin pesawat dan perlepasan, menerbangkan satu circuit serta mendaratkan pesawat. Penerbang perlu menggunakan *flaps*, *retractable landing gear* dan sebagainya jika terdapat di dalam simulator.

3. Melakukan perlepasan dan melaksanakan 2 penerbangan merentas desa dan mendarat di lapangan terbang yang sama atau berlainan.
4. Melakukan perlepasan dan manoeuvre yang berikut:
 - a) *Turn* terkawal ke kiri dan ke kanan, *climb* ke aras yang ditentukan dan *descent* ke aras yang ditentukan.
 - b) Melakukan *stall recovery*, *steep turn* dan *emergency descent*.
 - c) *Manoeuvre* lain yang difikirkan perlu.


4.3. Penerbang RC (RC Flyer)

Lencana ini dianugerahkan kepada Ahli Pengakap Muda Udara sebagai mengakui minat dan pengetahuan dalam mengenali penerbangan secara *remote control* pesawat kawalan radio dengan mengendalikannya serta memahami kaedah penerbangan, pendaratan dan langkah-langkah keselamatan.



1. Memahami dan menerangkan aplikasi prinsip aerodinamik bagi pesawat RC.
2. Menunjukkan cara-cara kawalan pesawat RC.
3. Melakukan checklist sebelum serta selepas penerbangan serta mematuhi langkah-langkah keselamatan yang wajib semasa mengendalikan pesawat kawalan radio.
4. Melakukan perlepasan, pusingan kanan dan kiri dengan penerbangan menuju dan menjauhi penerbang, *climb*, *descend*, *figure-of-eight spiral* dan pendaratan dengan pesawat kawalan radio.

Cara Pemakaian Lencana Kepandaian Kumpulan Kegemaran.



Lengan Baju sebelah KANAN

Lengan Baju sebelah KIRI

5. Lencana Kemajuan - Lencana Maju

Lencana ini dianugerahkan kepada Ahli Pengakap Muda, sebagai mengakui pelbagai kemahiran, kegiatan luar dengan memperkenalkan asas berdikari dan perkhidmatan seperti Ilmu Kawad Tongkat, Istiadat Bendera, Pertolongan Cemas dan sebagainya.



Sebelum layak mendapat lencana ini, seseorang Pengakap Muda Udara mestilah terlebih dahulu mendapatkan **Lencana Usaha dan Lencana Ahli Udara Kelas II** serta **DUA (2) Lencana Kumpulan Kegemaran**.

Seseorang Pengakap Muda Udara perlu **LULUS** semua Bahagian berikut :-

A. Cita-Cita Pengakap.

B. Kecergasan dan Kesegaran Jasmani.

C. Kemahiran Berpengakap.

D. Pengembaraan.

E. Perkhidmatan.

A. Cita-Cita Pengakap.

1. Organisasi Kumpulan, PPM Daerah dan PPM Negeri.
2. Melukis bendera semua negeri-negeri di Malaysia
3. Nama penuh Ketua Pesuruhjaya Negeri, Pesuruhjaya Daerah dan Penolong Pesuruhjaya Daerah.
4. Undang-Undang Pengakap

B. Kecergasan dan Kesegaran Jasmani.

1. Latihan asas perbarisan.
2. Kawat Tongkat.
3. Upacara Istiadat Mengibarkan dan Menurunkan Bendera.
4. Memanjat tali / pokok setinggi 5 meter.

C. Kemahiran Berpengakap.

1. Menjaga, mengasah dan menyimpan kapak dan gergaji.
2. Teknik menggunakan kapak.
3. Simpulan & ikatan :-

- Tindih Kasih Ganda.	- Lilil Pemati Selit.
- Belit Lucut.	- Simpul Kepala Lalat.
- Lilil Pasdul.	- Sambat Balik.
- Simpul Kerusi.	- Ikat Silang Gunting.

4. Memasak masakan rimba:
 - Menghidupkan api.
 - Roti Lilit.
 - Ikan.
5. Model Projek Perintis (*Pioneering Project*).
6. Kajian 1 perkara berikut : -
 - Burung, binatang dan pokok tempatan.
 - Lawatan bangunan / kawasan penting.
 - Kawasan tempatan.
7. Berkhemah tidak kurang daripada 8 malam.
8. Langkah keselamatan berenang.
9. Langkah keselamatan kegiatan kerja luar.
10. Melakukan 2 perkara berikut : -
 - Dapur gas, lampu gas / dapur minyak tanah.
 - Keperluan berkhemah
 - Memasak untuk 2 orang.

D. Pengembaraan.

1. Jenis kompas dan membaca bering.
2. Sistem kontur, rujukan grid, dan kunci peta.
3. Mengembara 16km dengan berjalan kaki dalam patrol dan bermalam di luar dengan mendirikan khemah. Menyediakan laporan bertulis pengembaraan dalam Buku Log.
4. Ikhtiar hidup .

E. Perkhidmatan

1. Balutan - kepala, lutut dan lengan.
2. Tindakan kecemasan.
3. Memanggil Polis, Bomba dan Ambulan.
4. Khidmat sukarela/ Khidmat Masyarakat.

Cara Pemakaian Lencana Kemajuan Pengakap Muda - Lencana Maju.



6. Lencana Ahli Udara Kelas I

Lencana ini dianugerahkan kepada Ahli Pengakap Muda Udara, sebagai mengakui pengetahuan dalam perkara berhubung dengan teknikal pesawat, undang-undang Udara, meteorologi dan perhubungan radio telefoni lanjutan.



Sebelum layak mendapat lencana ini, seseorang Pengakap Muda Udara mestilah mendapatkan **Lencana Ahli Udara Kelas II** dan **Lencana Maju** serta **DUA Lencana Kepandaian Kumpulan Kegemaran**.

Untuk lulus Lencana Ahli Udara Kelas II seseorang Pengakap Muda Udara perlu lulus ujian-ujian berikut : -

A. Teknikal Pesawat.

1. Menunjukkan lampu-lampu isyarat dan navigasi yang terdapat pada pesawat dan menerangkan penggunaannya.
2. Menerangkan *instrument* utama dan alat radas asas yang dibawa di dalam pesawat terbang.
3. Menyenaraikan alat-alat navigasi radio yang asas dan menerangkan penggunaannya.
4. Mengenali dan menerangkan jenis-jenis enjin pesawat yang berbeza iaitu enjin *piston*, *jet* dan *turboprop*.

B. Undang-Undang Udara.

1. Memberi penerangan ringkas mengenai Jabatan Penerbangan Awam (DCA) serta fungsi-fungsinya.
2. Memahami serta menerangkan istilah VFR, IFR dan *Special VFR*.
3. Menerangkan perbezaan jenis-jenis ruang udara, yang dikawal dan yang tidak dikawal.
4. Menjelaskan mengenai publikasi udara seperti AIP, AIC, MCAR dan sebagainya.


C. Meteorologi.

1. Menunjukkan unit-unit ukuran yang digunakan bagi penentuan cuaca penerbangan.
2. Mengenali dan menerangkan jenis-jenis awan. Membincangkan proses kejadian hujan.
3. Mengetahui dan menerangkan istilah-istilah cuaca yang selalu digunakan seperti CB, *rain*, *drizzle*, *shower*, TS dan sebagainya.

D. Radio Telefoni Lanjutan.

1. Menerangkan maksud *clearance*, *readback*, *request*, *callsign*, *affirm*, *negative*, *roger*
2. Melakokan satu perbualan radio di antara stesen pesawat dan stesen daratan.

Cara Pemakaian Lencana Ahli Udara Kelas I



7. Lencana Kepandaian - Kategori Pengetahuan

Setelah memperolehi Lencana Kemajuan Pengakap Muda - Lencana Maju dan Lencana Ahli Udara Kelas I, Pengakap Muda Udara itu dikehendaki meneruskan latihan dan ujian bagi mendapatkan TIGA (3) Lencana Kepandaian Kumpulan Pengetahuan (1 daripada Bahagian A dan 2 daripada Bahagian B) Lencana Ahli Berkhemah adalah wajib dan 1 Lencana pilihan seperti dibawah mengikut pengetahuan dan kemahirannya dalam aktiviti-aktiviti lencana tersebut:

Kumpulan Pengetahuan - Bahagian A (Elemen Udara).

1. Pembina Model Pesawat
2. Pemerhati Udara
3. Perancang Penerbangan

Kumpulan Pengetahuan - Bahagian B (Am).

1. Ahli Berkhemah. (wajib)
2. Ahli Elektronik.
3. Ahli Ilmu Perintis.
4. Ahli Komputer.
5. Ahli Mekanik.
6. Ahli Penukang.
7. Ahli Perahu Dayung.
8. Ahli Perhubungan.
9. Ahli Perhutanan
10. Pelihat.
11. Pengembara.
12. Tukang Masak.

Nota: Bagi program latihan lencana (1) hingga (10) sila rujuk Buku Program Latihan Pengakap Muda.

7.1. Pembina Model Pesawat (Aeromodeller)

Lencana ini dianugerahkan kepada Ahli Pengakap Muda Udara sebagai mengakui pengetahuan dan kemahiran dalam mengenali kaedah-kaedah membina model pesawat dengan mengikuti langkah-langkah serta prosedur sebenar dan dapat menerbangkan dengan jayanya..



Untuk mendapatkan lencana ini, Pengakap mesti LULUS semua ujian dalam Bahagian A atau B.

BAHAGIAN A.

1. Memilih salah satu dari aktiviti berikut:
 - a) Membina satu model pesawat menggunakan plastik, *white metal kit* atau *pre-cast*.
 - b) Mereka dan membina suatu model pesawat daripada kayu, plastik atau set pembinaan logam.
2. Menunjukkan pengetahuan pelbagai jenis kit atau bahagian-bahagian yang sedia ada dalam bahan-bahan pilihan pembinaan.
3. Membincangkan pengalaman membina model pesawat dengan penilai.

BAHAGIAN B.

1. Membina sebuah model pesawat, daripada kit jika mahu, apabila diterbangkan mestilah memenuhi syarat prestasi penerbangan yang ditentukan seperti berikut:
 - a) Peluncur yang dilepaskan dengan tangan; boleh terbang selama 25 saat.
 - b) Peluncur yang dilepaskan dengan ditarik; boleh terbang selama 45 saat dengan talian maksima sepanjang 50 meter.
 - c) Pesawat dengan kuasa getah; boleh terbang selama 30 saat.
 - d) Pesawat dengan kuasa enjin; boleh terbang selama 45 saat dengan masa motor dihidupkan selama 15 saat maksima.
 - e) Pesawat dengan talian kawalan; boleh menunjukkan perlepasan dan pendaratan yang lancar dengan 3 kali penerbangan datar sejauh 2 meter, dengan sekali *climb* dan sekali *descent*.
2. Membincangkan pengalaman membina dan menerbangkan sesuatu model dengan penilai.

7.2. Pemerhati Udara (Aerospotter)

